

Perutusan Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin

# 2,105 graduan terima ijazah

HARI ini, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melakar satu lagi sejarah apabila seramai 2,105 graduan menerima ijazah dan diploma dalam majlis Konvokesyen Kelapan UTHM yang berlangsung sehingga 10 Ogos ini bertempat di Dewan Tunku Ibrahim Ismail UTHM, Batu Pahat, Johor.

Penerima itu termasuk seorang penerima Ijazah Doktor Falsafah, 176 penerima Sarjana, 1433 Ijazah Sarjana Muda dan 495 penerima Diploma.

Konvokesyen pada kali ini juga mencatatkan sejarah tersendiri buat UTHM kerana buat julung kalinya seorang Pro-Canselor dilantik iaitu Tan Sri Ir Shamsuddin Abdul Kadir menjadi penyandang

pertama jawatan itu.

Sebagai mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM dan Pengerusi Sapura Holdings sudah tentu pelantikan beliau adalah langkah yang paling tepat buat UTHM.

Upacara pemasyhuran Pro-Canselor ini akan disempurnakan oleh Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar selaku Canselor UTHM pada Sidang Pertama hari ini.

Dalam Sidang Pertama ini juga, Tunku Canselor akan menyampaikan ijazah di peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana di samping beberapa anugerah yang diwujudkan khas buat para graduan yang cemerlang dalam bidang tertentu.

Antara anugerah Khas ini adalah Anugerah Diraja,

Anugerah Canselor, Anugerah Puan Sri Sapura, Anugerah Tan Sri Dato' Paduka Aishah Ghani dan Anugerah Projek Sarjana Muda.

Penyampaian ijazah bagi sidang dua dan tiga akan disempurnakan oleh Pro-Canselor membabitkan 957 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Pada Sidang Kedua ini, UTHM menganugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan Awam kepada Datuk Ir Wahab Suhaili.

Beliau adalah Pengerusi Eksekutif, Kumpulan Carbon Capital Corporation Sdn Bhd yang mempunyai 30 anak syarikat di samping menerajui pelbagai organisasi lain yang beroperasi merentasi pelbagai bidang perniagaan seperti kejuruteraan awam

dan struktur, kejuruteraan marin, kejuruteraan pengangkutan, industri minyak dan gas, kejuruteraan alam sekitar serta syarikat pakar perunding kejuruteraan.

Sidang Keempat dan Kelima Konvokesyen ini pula akan membabitkan penyampaian Ijazah Sarjana Muda kepada 360 graduan dan Diploma kepada 495 orang pelajar.

Sesungguhnya penganugerahan ijazah kepada 2,105 orang graduan pada sesi konvokesyen pada kali ini adalah kesinambungan kecemerlangan universiti dalam melahirkan ahli teknologi yang bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan negara khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknikal.

